



Ucapan Perasmian

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

Di Majlis:
Persidangan Waqaf Antarabangsa

Tema:
Ke Arah Merealisasikan Perlaksanaan Dan Pengurusan Waqaf
Secara Komprehensif

Anjuran:
Kementerian Hal Ehwal Ugama Dengan Kerjasama
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) Dan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Pada Hari Rabu, 1hb Zulkaedah 1443H
Bersamaan 1hb Jun 2022

Bertempat Di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan
Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَالِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدُنَا مُحَمَّدًا وَعَلَىٰ أَكْلَهُ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Rakan-rakan Yang Berhormat,
Sahabat-sahabat yang berbahagia pembentang kertas,
peserta-peserta Persidangan dan Pemeran,
seterusnya hadirin-hadirat sekalian.
Semoga kita sentiasa dalam rahmat kasih sayang Allah.

Alhamdulillah wasysyukru Lillaah. Dengan memuji dan mensyukuri Allah saya gembira dan merasa bahagia menyertai rakan-rakan, sahabat-sahabat dan sekalian hadirin-hadirat yang berbahagia dalam majlis perasmian Persidangan Waqaf Antarabangsa pagi ini.

Ternyata persidangan waqaf ini adalah kesinambungan daripada acara minggu pertama MYCE tahun lepas, iaitu *Forum Pemerkasaan Waqaf Ke Arah Kesejahteraan Negara*.

Oleh itu ia adalah suatu isyarat betapa kita sedang memberikan perhatian terhadap waqaf.

Kita melihat dan mendapatinya sebagai sumber harta dan kewangan Islam yang sangat berpotensi untuk dikembang majukan.

Dalam tajuk forum tahun lepas telah diungkapkan pemerkasaan waqaf bagi mensejahterakan negara.

Manakala *Persidangan Waqaf Antarabangsa* ini kita mengungkapkan pula pernyataan untuk merealisasikan pelaksanaan dan pengurusan waqaf yang komprehensif.

Maka itu juga mengisyaratkan betapa kita memahami dengan baik potensi wakaf yang tersedia ada dalam sistem harta dan kewangan Islam. Ia suatu yang boleh dan telah mendatangkan manfaat yang besar kepada masyarakat bahkan umat Islam sepanjang sejarahnya di mana-mana jua mereka berada hatta di negara-negara bukan Islam dan mereka merupakan komuniti minoriti atau pun

mereka setakat komponen warga negara dan penduduk monoriti di tengah rakyat dan penduduk majoriti non muslim.

Semuanya itu adalah sebahagian daripada penghayatan ajaran Islam dalam perkara *menginfaqkan* sebahagian harta bagi tujuan-tujuan kebajikan.

لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تَحْبُّونَ ﴿٩﴾ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Tafsirnya: *Kamu sekali-kali tidak akan dapat mencapai (hakikat) kebaktian (yang sempurna) hingga kamu menafkahkan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.*

[Surah Ali 'Imraan: 92]

Dalam mentafsirkan ayat ini Imam al-Baidhawi (meninggal tahun 685H) menyatakan bahawa seseorang itu tidak akan dapat mencapai hakikat sesuatu kebaikan iaitu kesempurnaan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berupa rahmat-Nya, keredhaan-Nya dan syurga sehingga dia menafkahkan sesuatu yang disayanginya daripada hartanya. (*Tafsir al-Baidhawi*, (2/28)).

Semantara Imam al-Khatib al-Sharbini (meninggal tahun 977H) menyebutkan mengenai ayat 92 Ali 'Imran ini bahawa Abu Talhah, salah seorang dari kalangan sahabat Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* apabila mendengar ayat berkenaan merasa terpanggil untuk mewaqafkan sebuah kebun yang paling disayanginya. (*Mughni al-Muhtaj*, 3/522)

Mungkin ada gunanya bagi orang ramai saya sebutkan di sini bahawa waqaf walaupun terjumliah dalam makna *al-infaq* iaitu membelanjakan atau mengeluarkan sebahagian harta seperti halnya zakat namun waqaf hukumnya sunat, bukan wajib seperti zakat.

Zakat wajib dibayar dan dikutip pada waktu-waktu tertentu menurut *haulnya* dan pada kadar tertentu menurut jumlahnya serta menurut jenis-jenisnya. Hasilnya untuk diagihkan kepada kalangan *asnaf* nya yang lapan sebagaimana yang ditentukan oleh Allah dalam al-Qur'an.

Semantara waqaf tidak ada *asnaf* nya. Ia diserahkan oleh pewaqaf kepada pengendali dan pengurusnya untuk tujuan-tujuan yang mendatangkan faedah kepada masyarakat luas.

Suatu yang jelas dan perlu diingat bahawa keduanya-duanya, iaitu zakat dan waqaf itu meski pun melibatkan transaksi harta dan kewangan namun ianya adalah transaksi sosial, bukan komersial.

Pembayar atau pengeluar zakat dan pewaqaf tidak mengharapkan keuntungan atau pulangan kebendaan. Mereka semata-mata – dengan pegangan akidah keimanannya kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala – berpegang bahawa masing-masing mereka akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah.

Pembayar atau pengeluar zakat meyakini dia telah melaksanakan kewajiban salah satu daripada rukun Islam yang lima. Jika zakat fitrah untuk mensucikan dirinya sementara zakat harta selain mensucikan harta bahkan ‘menambahkan’ nilai harta.

‘Menambahkan’ nilai harta yang dimaksudkan adalah berupa berkatnya, bukan hitungannya. Keberkatan yang mendatangkan rahmat daripada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*, menghindarkan murka-Nya yang mengundang bahaya atau bencana ke atas dirinya atau hartanya.

Sementara pewaqaf pula meski pun setakat melaksanakan suatu yang *disunnahkan* namun dengan akidah keimanannya kepada Allah dia meyakini apa yang dijanjikan oleh Allah berupa ganjaran pahala yang berkepanjangan akan diperolehinya selama waqafnya masih ada atau dimunafaatkan.

Maka demikian itulah pegangan masyarakat dan bangsa kita yang berakidah mengimani Allah dan Rasul Nya Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wasallam* menurut rukun-rukun iman dan Islam.

Oleh itu amalan berwaqaf terus menerus ada. Ia diamalkan dalam masyarakat kita dengan pegangan akidah keimanannya itu. Kerana itu terdapat wakaf-waqaf orang perseorangan atau waqaf keluarga dalam berbagai bentuk harta dan kewangan atau dalam bentuk benda peralatan. Pada masa ini dikendali - urus oleh Majlis Ugama Islam di bawah peruntukan-peruntukan tertentu *Undang-Undang Penggal 77, Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadzi* sejak tahun 1955.

Peruntukan-peruntukan undang-undang berkenaan itu pada masa ini sedang dikemaskin dengan menjadikannya akta waqaf yang tersendiri.

Perlu juga diingat dan dihargakan betapa pelaksanaan waqaf sejauh ini telah turut menyumbang kepada negara khasnya mengurangkan belanjawan kerajaan. Dengan adanya sumbangan berupa waqaf bagi sesuatu keperluan maka dengan sendirinya ia tidak memerlukan peruntukan kewangan kerajaan. Misalnya waqaf tanah untuk tapak laluan jalan awam, tanah untuk tapak masjid atau mewaqafkan masjid yang dibangunkan. Begitu juga waqaf untuk memperlengkapkan masjid dengan bilik khas menyempurnakan jenazah dan kereta jenazah, penghawa dingin dan lain-lain peralatan yang diperlukan oleh

jama'ah. Dan seterusnya beberapa jenis pelaksanaan waqaf pada masa ini setakat dalam tadbir urusnya sekarang.

Semua itu datang daripada amalan orang ramai berwaqaf. Dengan itu ia tidak menggunakan atau memerlukan peruntukan kewangan kerajaan.

Dalam masa yang sama kita mestilah menegaskan bahawa tujuan atau maksud mengembang memajukan potensi waqaf tidaklah berarti kerajaan akan melepaskan tanggungjawab kewangan untuk memelihara dan memajukan Islam serta memenuhi kepentingan masyarakat Islam.

Bukan itu tujuan kita. Atau bukanlah maksud kita untuk cuba-cuba menaburkan benih-benih pemikiran ke arah itu. Kerana yang sedemikian itu bukanlah cara dan sistem Brunei bernegara dan berpemerintahan.

Brunei tidak mengenal urusan keugamaan Islam adalah semata-mata urusan raja dan majlis ugama Islamnya. Tidak sedemikian. Kerana pemerintahan beraja Brunei sejak zaman berzaman adalah meliputi semua aspek kerajaannya termasuklah urusan hal ehwal Islam.

Lebih terserlah lagi pada zaman Brunei memasuki era modernisasinya dengan semua aspek pentadbiran dan pengurusan ehwal ugama serta keperluan-keperluannya adalah dalam tanggungan belanjawan kerajaan. Tinggal lagi kerajaan tidak menutup potensi orang Islam dan masyarakat Islam untuk turut sama menyumbang ke arah kebajikan ehwal Islam dan kesejahteraan masyarakat Islam selain untuk menunaikan kewajiban ugama seperti membayar dan mengeluarkan zakat dan melakukan amal kebajikan sunnah seperti waqaf, sedekah dan seumpamanya yang bukan diwajibkan tetapi menjanjikan pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Contoh yang terbaik pada masa ini ialah pembinaan masjid melalui Tabung Dana Pembangunan Masjid. Ianya adalah semata-mata untuk membawa orang ramai *turut menanam saham akhirat*. Semantara kerajaan masih tetap tidak melepaskan tanggungjawab kewangannya untuk membangunkan masjid melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Maka sedemikian itulah yang kita hasratkan dalam proses percambahan fikiran mengenai waqaf untuk terus berlegar di mana-mana yang munasabah seperti forum dan persidangan. Ia bercambah subur di kalangan ahli-ahli akademik dan pengamal perbankan dan kewangan Islam bahkan kalangan koporat yang berkepentingan.

Memang diakui betapa semuanya melihat dan mendapati keperluan untuk mengembang majukan potensi waqaf, khasnya dalam marhalah atau tahap masyarakat kita yang sudah dilihat bersedia untuk menerima dan menyokong insiatif sebagaimana yang kita ungkapkan dalam persidangan ini untuk: *Merealisasikan Perlaksanaan dan Pengurusan Waqaf Secara Komprehensif*.

Ungkapan ini selaras dengan projek utama Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama tahun 2020 – 2024. Tentu dijangkakan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menilai pilihan-pilihan yang ada.

Dalam proses itu kita mesti berpegang kepada prinsip bahawa apa pun pilihan dan modeliti dari percambahan pendapat untuk mengembang majukan potensi waqaf di negara ini ianya mestilah berpaksikan wawasan keugamaan pemerintahan beraja negara kita dengan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan itu semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan mentaufeqkan hasrat murni kita dalam persidangan waqaf ini ke arah yang direhdai-Nya.

Allahumma aamiin!

وبالله التوفيق والهدایة

والسلام عليکم ورحمة الله وبرکاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Daraina – 8.

Selasa 30 Syawal 1443 / 31 Mei 2022